

# UMNO akan pecat ahli homoseksual, lesbian

UM 26 OCT 2002

KUALA LUMPUR 25 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO akan memecat mana-mana ahlinya yang didapati bersalah mengamalkan kegiatan homoseksual atau lesbian tanpa mengira kedudukan mereka dalam parti.

Presiden UMNO berkata, tuduhan seumpama itu bagaimanapun harus dibuktikan terlebih dahulu sebelum parti boleh mengambil sebarang tindakan.

“Pendirian kita (UMNO) dalam perkara ini amat jelas iaitu kita tidak menerima budaya seperti itu.

“Jika didapati seseorang ahli itu terlibat, keluarlah dia dari parti,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempeugerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Beliau mengulas mengenai tuduhan ahli UMNO, Ummi Hafilda Ali yang mendakwa Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said adalah seorang lesbian.

Menjawab soalan bahawa Ummi Hafilda juga pernah menuduh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang homoseksual sebelum beliau dihukum oleh mahkamah, Dr. Mahathir berkata, beliau (Ummi) tetap perlu mengemukakan bukti.

“Anda perlu membuktikannya,” kata Perdana Menteri ringkas.

Ummi Hafilda sebelum ini membuat kenyataan mencabar Azalina untuk membuktikan dakwaan bahawa beliau bukannya seorang lesbian.

Selain itu, Dr. Mahathir turut mengesahkan Azalina sebagai calon tunggal untuk memegang jawatan Ketua Puteri selepas menerima semua pencalonan dari 165 bahagian di seluruh negara.

“Sayap baru UMNO itu akan mengadakan pemilihan pada 1 November ini,” tambah Perdana Menteri.

Mengenai tindakan terhadap pengarang buku *Inside Al-Qaeda: Global Network Of Terror*, Rohan Gunaratna, yang menerima jemputan Institut Kajian Strategik Antarabangsa untuk datang ke negara ini pada bulan depan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan menyekat kemasukan penulis tersebut.

Katanya, Gunaratna didapati tidak pernah mengaitkan kerajaan Barisan Nasional dengan Al-Qaeda dalam bukunya seperti yang didakwa sebelum ini.

“Kita tidak ada apa-apa (rancangan untuk menghalang kemasukan Gunaratna).

“Kita kaji buku dia dan (didapati) dia tidak kata apa yang kita kata dia tulis,” kata Dr. Mahathir.